



MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

MENELUSURI CABARAN MELESTARI HADAPAN

Editor:

MOHAMED AZAM MOHAMED ADIL
AHMAD HIDAYAT BUANG
AHMAD BADRI ABDULLAH

MAHKAMAH
SYARIAH
DI MALAYSIA

MENELUSURI CABARAN MELESTARI HADAPAN

Editor:

Mohamed Azam Mohamed Adil

Ahmad Hidayat Buang

Ahmad Badri Abdullah

PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© Penerbit UiTM, UiTM 2020

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. e-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA : MENELUSURI CABARAN
MELESTARI HADAPAN / Editor: Mohamed Azam Mohamed Adil,
Ahmad Hidayat Buang, Ahmad Badri Abdullah.**
ISBN 978-967-363-559-7

1. Islamic courts--Malaysia.
 2. Islamic law--Malaysia.
 3. Government publications--Malaysia.
- I. Mohamed Azam Mohamed Adil.
 - II. Ahmad Hidayat Buang.
 - III. Ahmad Badri Abdullah.
- 340.5909595

Pereka Kulit Buku: Arif Zulhimi Mohd Zin
Pereka Letak: Mohd Fadhel Mohd Drus

Dicetak di Malaysia oleh : Pusat Percetakan UiTM
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam
Selangor

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Pendahuluan</i>	xiii
<i>Prakata</i>	xix
• Memperkukuhkan Kredibiliti Institusi Mahkamah Syariah di Malaysia dalam Memenuhi Tanda Aras Global <i>Ahmad Hidayat Buang</i>	1
• Penguhan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah melalui Pindaan Akta 355: Antara Harapan dan Realiti <i>Shamrahayu A. Aziz</i>	31
• Peguam Syarie di Malaysia: Realiti Semasa dan Prospek ke Arah Penggubalan Akta Profesion Guaman Syarie <i>Musa Awang</i>	49
• Pindaan Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) (Pindaan 2017) dan Implikasinya Terhadap Bidang Kuasa Mahkamah Syariah <i>Mohamed Azam Mohamed Adil & Rafeah Saidon</i>	107
• Hakim Wanita di Mahkamah Syariah: Isu dan Cabaran <i>Noor Huda Roslan</i>	133

KATA PENGANTAR

Institusi Mahkamah Syariah merupakan sebuah entiti penting dalam masyarakat Islam khususnya di Malaysia. Hal ini kerana, sejak dari awal penubuhannya, institusi ini telah memainkan peranan besar dalam menguruskan dan menangani hal ehwal perundangan Islam serta menguruskan konflik dan isu yang timbul dalam masyarakat Muslim secara amnya. Evolusi yang telah berlaku dalam kehidupan masyarakat Malaysia dari aspek politik dan sosio-ekonominya kini mencetuskan momentum agar institusi Mahkamah Syariah turut mengorak langkah ke arah perubahan yang lebih positif dan dinamik.

Sejak dari fasa awal penubuhannya, institusi ini telah mengalami pelbagai perubahan dan penambahbaikan yang mengukuhkan peranan dan bidang kuasanya. Pada awalnya institusi kehakiman syariah terdiri daripada Mahkamah Kadi Besar dan Mahkamah Kadi sehinggalah pada era 1980-an entiti Mahkamah Syariah dipisahkan daripada Jabatan Agama Islam. Kemudiannya pada era 1990-an kedudukan Mahkamah Syariah telah dipertingkatkan melalui penstrukturan semula hierarki Mahkamah Syariah kepada tiga komponen penting iaitu Mahkamah Rendah syariah, Mahkamah Tinggi syariah dan Mahkamah Rayuan syariah. Perubahan yang lebih signifikan dalam institusi kehakiman syariah di negara ini boleh dikatakan bermula dengan tertubuhnya Jabatan Kehakiman syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 1998 yang berperanan antara lain memperkembangkan mekanisme pentadbiran Mahkamah Syariah serta menyelesaikan isu ketidakseragaman keputusan Mahkamah Syariah akibat perbezaan yang wujud antara Enakmen Pentadbiran Islam negeri-negeri.